

Headline	Harga harta warga asing diumum tahun depan		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	27 Nov 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	6	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	336 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,308
Frequency	Weekly	PR Value	RM 9,925



Haniza Talha melawat ruang pameran Ekspos Hartanah dan Perumahan Malaysia (MAPEX), Shah Alam/Klang di Central I-City, Shah Alam pada 15 November lalu

## Harga harta warga asing diumum tahun depan

**SHAH ALAM** - Perbincangan antara Kerajaan Negeri dan pemegang taruh industri harta tanah akan diadakan bagi menetapkan nilai ambang baharu pemilikan harta strata oleh warga asing.

Bagaimanapun, EXCO Perumahan dan Kehidupan Bandar Haniza Talha berkata, nilai ambang baharu yang diputuskan nanti tidak semestinya sama seperti diumumkan Kementerian Kewangan dalam Belanjawan 2020.

"Kita di Selangor akan mengkaji unit yang sudah siap, berapa lama tak terjual dan faktor-faktor lain sebelum kita buat keputusan dasar untuk sementara ini.

"Kalau tiada halangan dan ada keputusan kita akan mengubah nilai ambang bagi pemilikan rumah warga asing tahun depan.

"Kadar penurunan tidak semestinya RM600,000 tetapi ada penurunan hanya untuk tahun 2020 sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena Majlis Pembukaan Ekspos Hartanah & Perumahan Malaysia (MAPEX) Shah Alam/Klang di Central-I City Mall, di sini pada 15 November lalu.

Haniza berkata, pada masa ini dasar perumahan Selangor menetapkan nilai ambang bagi pemilikan rumah warga asing pada harga RM2 juta serta membabitkan unit strata sahaja. Katanya, data dikeluarkan

Kita di Selangor akan mengkaji unit yang sudah siap, berapa lama tak terjual dan faktor-faktor lain sebelum kita buat keputusan dasar untuk sementara ini

**HANIZA TALHA**  
EXCO Perumahan dan Kehidupan Bandar

Pusat Maklumat Harta Tanah Negara dari Januari hingga Jun 2019 menunjukkan hanya 65 unit daripada 1,189 harta bernilai RM600,000 hingga RM1 juta yang dilancarkan tidak dijual.

Manakala bagi harta bernilai RM1 juta dan ke atas terdapat 195 daripada 1,179 unit harta yang belum dijual.

"Nilai rumah yang tidak terjual kira-kira RM281 juta. Jadi di Selangor unit berharga RM600,000 dan ke atas ada 260 unit sahaja tidak termasuk pangaspuri perkhidmatan kerana ia dikira unit komersial.

"Berbanding dengan negeri lain seperti Johor, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, Selangor masih berada di kedudukan agak baik kerana tidak terlalu banyak rumah tak terjual," katanya.